



BULETIN JKSS

BIL 1/2024

**LAWATAN PENANDA ARAS JABATAN PERUNDANGAN MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM
22 Februari 2024 | 19 Syaaban 1445H (Khamis)**

Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak telah menerima kunjungan daripada Jabatan Perundangan Majlis Bandaraya Shah Alam. Rombongan lawatan adalah sebagai penanda aras dalam pelaksanaan Sistem i-Syariah oleh Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak. Antara perkara yang menjadi fokus utama dalam lawatan ini adalah Rangka Pembangunan Sistem i-Syariah serta penggunaan Tandatangan Digital sebagai salah satu komponen sistem tersebut. Rombongan seramai 14 orang diketuai oleh Pegawai Undang-Undang Kanan, Jabatan Perundangan Majlis Bandaraya Shah Alam, Puan Aziana bt Mohamad Aripin. Rombongan lawatan sempat dibawa melawat ke Dewan-dewan Mahkamah Syariah yang telah dilengkapi dengan Sistem Syariah Court Recording & Transcribing (CRT) dan Video Conference System (VCS). Taklimat telah dikendalikan oleh Tuan Haji Najarudin bin Nedri, Pegawai Sulh Kanan, Jabatan Kehakiman Syariah Sarawak.



Rombongan lawatan diberi penerangan tentang Sistem CRT & VCS di Dewan Mahkamah oleh Tuan Haji Najaruddin B Nedri



Rombongan lawatan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam dibawa melawat ke Dewan-dewan Mahkamah Syariah yang baru.



Rombongan Lawatan merakamkan gambar kenang-kenangan bersama Yang Amat Arif Ketua Hakim Syarie Sarawak.



Sesi taklimat dan perkongsian berkenaan Sistem I-Syariah antara rombongan daripada Majlis Bandaraya Shah Alam bersama pasukan Pentadbir Sistem.